

Utusan Malaysia Jumaat 28 Ogos 2020

Semarak merdeka: UMP rai anak istimewa

PEKAN: Menyantuni anak-anak istimewa antara program dilaksanakan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** bagi menyemarakkan sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat institusi pengajian tinggi berkenaan.

Dalam program UMP Prihatin anjuran Yayasan UMP dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor universiti itu, seramai 63 kanak-kanak istimewa dirai dan menerima bantuan disampaikan Pengerusi UMP, Datuk Seri Ibrahim Ahmad serta Pengerusi Yayasan UMP, Datuk Seri Md. Sharif Shamsuddin.

Hadir sama, Naib Canselor UMP, Prof. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin.

Kesemua yang dirai itu terdiri daripada anak-anak masyarakat setempat serta kakitangan UMP.

“Yayasan UMP membelanjakan kira-kira RM2.2 juta untuk sumbangan insentif penuntut baharu bagi pembiayaan ke-masukannya ke universiti, insentif kecemerlangan, biasiswa ijazah



IBRAHIM Ahmad (dua dari kanan) meraikan keluarga kanak-kanak istimewa dalam program Prihatin UMP sempena menyemarakkan Bulan Kemerdekaan di UMP Kampus Pekan, Pahang semalam.

sarjana dan lain-lain yang dimanfaatkan bersama komuniti,” kata Md. Sharif dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, seorang penerima bantuan, **Hafizah Mohamad Hamdan** berterima kasih kepada UMP kerana merai dan

menyampaikan bantuan kepada anaknya, Muhammad Adam Ay-rash Abdullah yang menghidap cerebral palsy sejak lahir.

“Saya terharu dengan usaha UMP yang sentiasa cakna dengan keperluan masyarakat setempat,” katanya.